

14 OCT 1996

MB-Tilawah

ASTAKA TILAWAH BENTUK ISTANA LAMA PERAK

IPOH, 14 Okt (Bernama) -- Seni bina Istana Lama Perak, yang kini dikenali sebagai Muzium Diraja yang terletak di Kuala Kangsar, dipilih sebagai bentuk senibina astaka Tilawah Kebangsaan ke-39 yang akan diadakan di sini selama lima hari mulai 31 Okt ini.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata ini adalah kali pertama astaka tilawah berbentuk rumah melayu tradisional.

Astaka itu, yang mempunyai dua bahagian -- satu merupakan pentas untuk qari dan qariah bertilawah yang merupakan sebagai "rumah ibu" dan bahagian kedua merupakan tempat menunggu adalah rekaan Jabatan Kerja Raya Negeri Perak, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan bersama dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman mesyuarat jawatankuasa induk Tilawah Al-Quran di sini hari ini.

Tilawah kali ini yang bertemakan "Budaya Murni Tonggak Kemajuan" akan disertai oleh 30 peserta, iaitu dua dari setiap negeri dan dua johan menunggu, katanya.

Beliau berkata sempena majlis tilawah yang akan diadakan di Stadium Perak, beberapa acara lain akan turut diadakan iaitu seminar Al-Quran selama dua hari bermula 1 Nov yang bertemakan " Aqidah Tonggak Kesejahteraan Ummah" dan "Penyelewengan Akidah: Cabaran dan Cara Penyelesaian."

Selain itu, Ekspo Penghayatan Islam dan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa akan turut diadakan sempena tilawah itu, katanya.

Beliau berkata sejumlah RM1.7 juta akan dibelanjakan untuk acara itu dan dijangka seramai 20,000 orang menghadiri majlis itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan tilawah itu dan upacara penutup dan majlis penyampaian hadiah oleh Sultan Perak, katanya.

-- BERNAMA.

HK AHH